

KEMASUKAN AGAMA ISLAM KE PERLIS - KEDAH DAN BEBERAPA SUMBER PENTING MENGENAI MASJID TERTUA DI PERLIS

Oleh : SHUKOR MAT

Sejarah penubuhan negara kota atau bandar purba di Perlis bermula di Kota Sena pada kurun ke 17 M, iaitu di zaman pemerintahan Sultan Mahyiddin Mansur Shah (1653 - 1661). Di persekitaran kota inilah terbentuknya pusat tumpuan penduduk yang penuh sesak dengan berbagai jenis kegiatan harian penduduk tempatan Perlis. Hal ini terjadi kerana pada masa dahulu di kotalah tempat bersemayamnya raja yang menjadi tonggak negeri, menjadi pelindung dan menjadi lambang kemegahan rakyat.

Telah menjadi lumrah atau kebiasaan penduduk zaman silam bersikap sentiasa menunjukkan kepatuhan dan menumpukan perhatian mereka kepada raja dan pembesar-pembesarnya. Tegasnya ada raja adalah kerajaan, tiada raja tiadalah kerajaan, kerana raja adalah segala-galanya bagi rakyat pada masa itu. Ini berbeza dengan konsep kerajaan sekarang yang berteraskan rakyat iaitu ada rakyat adalah kerajaan, tiada rakyat maka tiadalah kerajaan kerana rakyat mempunyai suara dan tenaga yang banyak.

Sungguhpun institusi raja telah pun wujud di Kota Sena tetapi ianya tidak memperlihatkan adanya pembinaan masjid seperti yang sering dikaitkan dengan sejarah kerajaan Islam yang lain.

Penemuan batu nisan Syeikh Abdul Qadir ibn Husin Shah Alam yang bertarikh 291 H /903 M di Tanjung Aris (Inggeris), Langgar membuktikan Islam telah masuk lebih awal ke Kedah dari pada Terengganu (1303 M)¹

Dalam tahun 846 M/232 H Ibn Kharazdabeh dalam kitabnya al - Masalik wa al-Mamalik telah menceritakan mengenai sebuah negeri yang sangat masyhur disebabkan oleh hasil buminya iaitu Kedah yang dipanggil oleh orang - orang Arab sebagai Kilah.² Kedah ketika itu berada di bawah naungan Palembang. Besar kemungkinan penduduk Kedah ketika itu telah pun menerima Islam kerana kerajaan Perlak yang setanah dengan Palembang itu telah pun menerima Islam pada tahun 840 M.

Sejarah negeri Kedah menyatakan Islam masuk ke Kedah pada tahun 1501 M, dibawa oleh seorang pengembang agama Islam bernama Syeikh Abdullah. Dengan kebijaksanaannya, beliau berjaya mengislamkan raja Kedah pada masa itu yang bernama Pra Ong Maha Wangsa. Setelah Islam namanya ditukar menjadi Sultan Muzaffar Syah.³

Seterusnya sejarah kemasukan Islam ke Kedah dikaitkan dengan usaha Syeikh Abdullah Yamani yang telah mengislamkan Maharaja Darbar Raja II pada tahun 1136 M. Pada zaman pemerintahan Sultan Sulaiman Shah I (1373 - 1423) Kedah telah diserang oleh Aceh. Pada zaman Sultan Sulaiman II (1602 - 1619) Aceh sekali lagi menyerang Kedah dan juga disebutkan tentang pengiriman Kitab Feqh Sirat al - Mustaqim, karya

Nuruddin al Raniri ke Kedah.⁴ Ini membuktikan bahawa Kedah masih mengalami proses peralihan agama dari Hindu kepada Islam. Begitu juga dengan negeri Perlis yang pada masa tersebut menjadi sebahagian daripada daerah Kedah sehingga ke tahun 1843 apabila Perlis menjadi sebuah negeri yang bebas dan diasingkan daripada pentadbiran Kedah.

“In the center of the town a mosque like building rose amongst the trees, and proved that, although the many pretty houses scattered about might be as evanescent as their fragile construction indicated.” (Sherard Osborn)

Sungguhpun Kota Sena dan Pekan Atap (Kangar) merupakan bandar purba di Perlis tetapi tiada rekod yang ditemui mengenai pembinaan masjid awal di pekan tersebut selain daripada Masjid Alwi yang telah siap pembinaannya pada bulan Mac 1933 M.5 (Oleh itu masjid lain yang lebih awal pembinaannya boleh dijadikan sebagai contoh kajian ke atas perkembangan Islam di Perlis. Berdasarkan tulisan seorang pelaut Inggeris, Sherard Osborn yang beberapa kali melawat Perlis menyatakan pada masa lawatannya itu (tahun 1838 M) bahawa di bahagian tengah Bandar Kangar ada sebuah masjid yang meninggi di antara pokok-pokok dan dibuat daripada bahan binaan yang rapuh : " In the center of the town a mosque like building rose amongst the trees, and proved that, although the many pretty houses scattered about might be as evanescent as their fragile construction indicated. " (Sherard Osborn, *The Blockade of Kedah In 1838*, hlm. 274). Walaupun terdapat di dalam catatan sejarah mengenai pembinaan masjid awal di Pekan Kangar, tetapi kesannya sudah tiada untuk dibuat kajian kerana terlalu usang dan bahan binanya tidak tahan lama. Ramai orang tua-tua yang telah ditemubual, telah menyatakan bahawa mereka cuma tahu lokasi masjid lama tersebut, iaitu di lokasi Pejabat TEN sekarang (di tepi anak Sungai Perlis yang bertentangan dengan bangunan Masjid Alwi sekarang), tetapi mereka tidak mengetahui cerita lanjut mengenai pembinaannya. Apa yang paling ketara kepada kita ialah Masjid Lama Arau yang letaknya bersebelahan dengan Masjid Negeri adalah merupakan masjid yang tertua di Perlis yang masih kekal hingga ke hari ini. Usia masjid ini lebih daripada 1 abad dan kira-kira hampir seabad atau 100 tahun lebih tua daripada Masjid Alwi Kangar.⁵

Masjid yang terawal di Arau didirikan semasa pemerintahan Raja Syed Hussin Jamalullail. Masjid ini dibuat daripada kayu sahaja dan letaknya hampir dengan sempadan utara pagar Masjid Lama yang mempunyai sebuah lubang besar di tepi pokok bidara sekarang. Lubang besar ini dikatakan bekas anak sungai dan telaga yang digali sebagai tempat untuk mengambil wuduk. (Menurut sumber lisan yang diceritakan oleh bekas Imam Masjid Arau, Syed Ismail bin Syed Hassan kepada Syed Sultan bin Syed Alam. Maklumat ini diberikan oleh ayah Syed Ismail).

Masjid Lama Arau didirikan semasa pemerintahan Raja Syed Ahmad Jamalullail yang menjadi Raja Perlis pada masa itu, iaitu pada tahun (1873 - 1897 M). Bahagian

tengahnya sahaja dibuat daripada batu (manakala pada bahagian lain kebanyakannya dibuat daripada kayu), iaitu dibuat oleh tukang-tukang Arab dan Melayu.



Masjid Lama Arau

Pada masa ini belum ada simen, oleh itu pasir-pasir dicampur dengan kapur dan batu, kemudian dibancuh dengan manisan lebah, manisan tebu, manisan nipah, telur ayam dan telur itik. Telur ayam dan itik diambil yang putih sahaja kerana yang merah digunakan untuk buat kuih.⁶

Dalam masa pemerintahan Raja Syed Saffi Jamalullail dibesarkan lagi saiz masjid tersebut dan dibina mimbar baru. Tukang mimbar ini ialah Abdullah Buyung dari Pulau Pinang dan dibantu oleh Haji Abdullah dari Rani Estate, Arau.⁷

Semasa pemerintahan Raja Syed Alwi Jamalullail, dibuat tambahan beranda sekeliling masjid. Beberapa tahun kemudian dibuat lagi tambahan bangunan di sebelah kanan dan kiri masjid (kelihatan seperti bersayap).⁸ Bahan binaan Masjid Lama Arau mengandungi batu-bata, kayu, tanah liat, telur ayam, telur itik dan berbagai jenis manisan. Keluasannya berukuran 60 kaki x 60 kaki persegi iaitu berbentuk empat segi tepat. Kecubung Masjid tersebut ialah jenis kecubung besar yang berdinding kaca warna hijau. Atapnya dibuat daripada zink tebal yang berbucu empat segi. Tiangnya dibuat daripada batu-bata dan tanah liat yang diadun dengan putih telur ayam-itik. Putih telur ayam-itik dan manisan bertindak sebagai simen untuk meneguhkan pegangan batu-bata dan tanah liat. Pintu, alang dan kelengkap atas lain dibuat daripada kayu yang teguh. Lantainya berasal daripada tanah liat yang kemudiannya disimenkan oleh generasi baru.⁹

Pada waktu malam dipasang lampu minyak tanah (minyak gas) untuk menerangi masjid, terutama sekali pada bulan puasa dan jika ada sebarang sambutan atau kenduri. Tikar mengkuang, tikar menerung atau tikar rumput dijadikan hamparan di dalam masjid.

Air wuduk diidikan oleh anak jemaah secara gotong-royong seminggu sekali mengikut giliran. Air tersebut boleh diangkat dengan senang daripada sungai yang berhampiran iaitu Sungai Arau untuk dituang ke dalam kolah air bersebelahan masjid.¹⁰ Kerja mencuci masjid dan membersihkan halamannya diusahakan secara gotong-royong oleh anak jemaah masjid.¹¹

Semasa pemerintahan Raja Syed Saffi Jamalullail, baginda telah menempah sebuah mimbar kayu yang dibuat di Pulau Pinang. Mimbar (tempat imam berkhotbah) ini siap pada tahun 1322 H (1905 M) dan dibawa pulang ke Perlis melalui Sungai Tebing Tinggi ke Kangar, kemudian dibawa ke Arau dengan menggunakan kereta kuda.¹² Kini mimbar tersebut berusia hampir seratus tahun, ianya masih digunakan hingga ke hari ini sebagai mimbar Masjid Negeri di Arau.

Pentadbiran Masjid Lama Arau diketuai oleh seorang Kadzi yang mengendalikan orang-orang di bawahnya iaitu imam, bilal dan siak. Seorang Penghulu Masjid dipilih untuk bertanggungjawab mengarahkan orang-orangnya yang terdiri daripada imam, bilal dan siak.¹³ Pada tahun 1954 M. Tuan Syed Ahmad bin Syed Alwi telah dilantik menjadi Imam Masjid Lama Arau. Beliau telah bermuafakat menubuhkan Jawatankuasa Lembaga Masjid yang kemudiannya dinamakan Lembaga Kariah Masjid Arau seperti butiran berikut :

Pengerusi : Encik Abid bin Ismail
Setiausaha : Tuan Syed Ahmad bin Syed Alwi
Bendahari : Tengku Adnan bin Tengku Yahya¹⁴

Kampung-kampung di bawah Kariah Masjid Arau ialah :

1. Kampung Kebun
2. Kampung Utan Aji
3. Kampung Utan Kandis
4. Kampung Belukar
5. Kampung Belat Batu
6. Kampung Banat
7. Kampung Rani Estate
8. Kampung Bakong
9. Kampung Behor Mengkuang
10. Kampung Batas Liku
11. Kampung Tok Naya
12. Kampung Titi Besi 15

Senarai imam :

1. Haji Dahaman
2. Haji Ismail
3. Tn. Syed Ahmad bin Syed Alwi
4. Haji Hassan Ismail

5. Tn. Syed Ismail bin Syed Hassan
6. Haji Abdullah Jusoh
7. En. Ahmad Muammad Adam
8. En. Hashim bin Osman
9. En. Zulkarnain bin Abidin
10. En. Idris bin Yaakob
11. En. Shahidan¹⁶

Senarai bilal :

1. Tok Mat
2. Lebai Pin
3. Haji Arshad
4. Haji Husin
5. Abdul Karim
6. Wan Husin
7. Abdul Rashid
8. Abdul Wahab
9. Salehuddin
10. Zubir Abdullah
11. Ismail Hashim¹⁷

Senarai Siak :

1. Tok Lah Ngan (Abdullah bin Yang)
2. Osman bin Itam
3. Syed Sultan bin Syed Alam
4. Wan Mansur
5. Ismail Abdullah¹⁸

Selepas merdeka Masjid Lama Arau telah mengalami perubahan iaitu semasa pemerintahan Raja Syed Putra Jamalullail yang telah membaharui atap masjid dengan atap genting. Ruang masjid juga dibesarkan kerana anak jemaah semakin bertambah. Begitu juga dengan lampunya yang ditukarkan dengan lampu elektrik, manakala tikar rumput digantikan dengan tikar getah dan hamparan yang baru. Kerja mencucui masjid dan h alamannya secara gotong-royong digantikan dengan pekerja yang dibayar gaji hari dan kemudiannya gaji bulan.¹⁹

Penantian yang begitu lama oleh anak-anak jemaah Arau bagi mendapatkan sebuah bangunan masjid baru yang lebih luas dan selesa telah dimakbulkan Allah pada tahun 1973, iaitu apabila Kerajaan Negeri Perlis pimpinan Dato' Sheikh Ahmad bin Muhammad Hashim telah bersetuju untuk membangunkan sebuah Masjid Negeri di tapak masjid yang ada sekarang.²⁰

“Walau bagaimanapun akhirnya projek pembinaan Masjid Negeri ini yang perletakan batu asasnya disempurnakan oleh Raja Perlis, Syed Putra Jamalullail pada hari Jumaat 18 Mac 1972 (2 Safar 1392 H) telah berjaya disiapkan kemudiannya.”

Pada mulanya Jawatankuasa Pembinaan Masjid ini telah menetapkan kos pembinaannya sebanyak \$400,000 (empat ratus ribu ringgit), tetapi malang sekali pembinaannya terpaksa ditangguhkan buat sementara waktu kerana kenaikan kos bahan-bahannya semasa projek pembinaan dijalankan. Walau bagaimanapun akhirnya projek pembinaan Masjid Negeri ini yang perletakan batu asasnya disempurnakan oleh Raja Perlis, Syed Putra Jamalullail pada hari Jumaat 18 Mac 1972 (2 Safar 1392 H) telah berjaya disiapkan kemudiannya. Pembukaan rasmi masjid ini disempurnakan pada hari Jumaat 6 Februari 1976 (6 Safar 1396 H) oleh Raja Syed Putra Jamalullail. Masjid Negeri yang telah dianggarkan boleh memuatkan anak jemaah yang cukup pada hari Jumaat dan musim perayaan ini juga masih perlu diubahsuai. Sehingga kini Masjid Negeri ini sudah dua kali diubahsuai supaya ruangnya lebih luas seperti yang kita saksikannya sekarang.²¹

Kini Masjid Lama Arau masih tegak fan gagah dengan bangunannya yang masih elok dan bersih. Masjid ini kini menjadi Taman Asuhan Kanak-Kanak Islam (TASKI), Khasnya untuk mendidik kanak-kanak di persekitaran pekan dan kampung-kampung Arau.

Persekitaran masjid ini dikelilingi oleh kawasan perkuburan lama raja-raja yang memerintah Perlis, termasuklah makam Raja Syed Hussin Jamalullail, iaitu raja yang memerintah di zaman awal pembinaan masjid lama tersebut. Sungai Arau yang mengalir di tepinya menjadi sempit dan cetek kerana sentiasa dipenuhi oleh sampah sarap dan kesan aliran air banjir pada setiap tahun. Walaupun kini tebing di kiri kanan dan dasar sungai itu dibuat daripada konkrit, tetapi proses penimbunan dan penghakisan sungai masih tetap berlaku, cuma hakisannya sahaja yang agak berkurangan. Terdapat sebatang jalan raya yang lama menghala ke tepi pintu masuk masjid lama daripada jalan besar berhampiran Masjid Negeri. Jalan lama ini menuju ke Pasar Arau, terus ke kawasan perumahan Taman Intan.

Semoga Masjid Lama dan kawasan persekitarannya yang bersejarah ini mendapat perhatian pihak-pihak tertentu untuk dibaik pulih dan dikenalpasti semula tanda-tanda dan nama-nama pada makam-makamnya yang usang. Tulisan yang ada pada kebanyakan makam itu sudah tidak boleh dibaca dan ada di antara makam-makam tersebut yang telah dilitupi oleh pongsu anai-anai.

Rujukan :

Abd. Rahman Hj. Abdullah, 1989, Islam Dalam Sejarah Asia Tenggara, Kuala Lumpur : Penerbitan Pena Sdn. Bhd.

Abdullah Jusoh, 1990, Pengenalan Tamadun Islam di Malaysia, Kuala Lumpur : D.B.P.
Ahmad Ismail dan Yazid Mat, 1992, Perlis Indera Kayangan Sejarah Pembentukan Sebuah Negara Berdaulat, Kangar : Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis.

Dasuki Haji Ahmad, 1974, Ikhtisar Perkembangan Islam, Kuala Lumpur : D.B.P.

Osborn, Sherard, 1987, The Blockade of Kedah In 1838, Singapore : Oxford University Press

Syed Ahmad bin Syed Alwi - temubual.

Syed Sultan bin Syed Alam - temubual.

Tengku Ibrahim bin Tengku Ahmad - temubual.

-
- 1 Abd. Rahman Hj, Abdullah, Islam Dalam Sejarah Asia Tenggara Tradisional, Penerbitan Pena Sdn. Bhd. 1989, hlm. 124
 - 2 Abdullah Jusoh, Pengenalan Tamadun Islam di Malaysia, DBP, 1990, hlm. xvi
 - 3 Hj. Dasuki Haji Ahmad, Ikhtisar Perkembangan Islam, DBP 1974, hlm. 521
 - 4 Abd. Rahman Hj. Abdullah, Ibid, hlm. 124
 - 5 Ahmad Ismail dan Yazid Mat, Perlis Indera Kayangan Sejarah Pembentukan Sebuah Negara Berdaulat, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis, Percetakan UPCAS 1992, hlm. 149.
 - 6 Syed Harun bin Syed Othman, Ucapan Pengerusi Lembaga Kebajikan Masjid Negeri di Majlis Pembukaan Rasmi pada 6 haribulan Februari 1976.
 - 7 Syed Harun bin Syed Othman, Ibid.
 - 8 Syed Harun bin Syed Othman, Ibid.
 - 9 Tengku Ibrahim bin Tengku Ahmad, Kampung Kebun, Arau, Perlis. Temubual pada 14/7/2001.
 - 10 Ibid.
 - 11 Ibid.
 - 12 Ibid.
 - 13 Ibid.
 - 14 Temubual dengan Tuan Syed Ahmad bin Syed Alwi, bekas ADUN Arau, temubual 16/7/2001.
 - 15 Tuan Syed Ahmad bin Syed Alwi, temubual 17/7/2001
 - 16 Tuan Syed Ahmad bin Syed Alwi, temubual 17/7/2001
 - 17 Ibid.
 - 18 Ibid.
 - 19 Syed Sultan bin Alam, temubual 17/7/2001.
 - 20 Ibid.
 - 21 Ibid.